

SUMBANGAN DATO' HAJJAH ROGAYAH BINTI SULONG DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TARANNUM AL-QURAN

(*Contribution of Dato' Hajjah Rogayah Binti Sulong in Teaching and Learning of Tarannum al-Quran*)

Najmiah binti Omar *
Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff **

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang sumbangan seorang pakar tarannum terkenal di Malaysia iaitu Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia. Sebagaimana diketahui bahawa ilmu tarannum merupakan salah satu komponen utama ke arah memperelokkan bacaan melalui tafsir al-sawt berdasarkan dalil daripada al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Kajian tentang manhaj pengajaran dan pembelajaran tarannum masih kurang. Justeru itu, artikel ini dapat menjadi salah satu sumber rujukan tentang aspek pendidikan ilmu tarannum. Dengan demikian itu, penulisan ini memfokuskan kepada pemahaman terma manhaj, penjelasan mengenai biodata Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong, pengertian ilmu tarannum dan manhaj Dato' Hajjah Rogayah dalam tarannum al-Quran. Metodologi kajian adalah berdasarkan pemerhatian turut serta dan kajian temubual. Secara umumnya, Dato Hajjah Rogayah memfokuskan kepada tarannum bil Quran melalui pemilihan ayat-ayat dalam surah-surah yang tertentu.

Kata kunci: Sumbangan, Rogayah binti Sulong, pengajaran dan pembelajaran, tarannum, al-Quran

Abstract

This article discusses the contribution by a well known tarannum expert in Malaysia, Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong in the teaching of Quranic tarannum in Malaysia. As a discipline, tarannum is one of the key components for improving Quranic recitation with tafsir al-sawt. This paper focuses on manhaj of tarannum in general and its terms, brief biography of Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong, and the meaning of tarannum and the manhaj of tarannum that she carried out. The data is based on active participation, observation and interview. Generally, it can safely be said that Dato Hajjah Rogayah focused on tarannum bil Qur'an by selecting verses from several chapters of the Qur'an.

Keywords: Contribution, Rogayah binti Sulong, Teaching and Learning, tarannum, Quranic

Pendahuluan

Pengertian Manhaj Dalam kamus Lisan al-'Arab oleh Ibn Manzur berasal dari lafaz *nahaja* bererti jalan.¹ Kalimah *nahjun* pula bermaksud yang terang lagi jelas. Lafaz manhaj al-Tariq bermakna petunjuk jalan atau dalam erti kata lain orang yang menjelaskan jalan. Perkataan al-minhaj seerti dengan al-manhaj yang memberi pengertian jalan yang terang dan jelas. Ahmad Naufal² mendefinisikan asal makna *al-nahj* dari sudut bahasa daripada kitab *Mufradat al-Raghib* oleh al-Asfahani,³ dengan membawa makna jalan yang jelas iaitu al-Tariq al-wadhih. Dalam Mu'jam al-Maqayis⁴ manhaj bermaksud al-Tariq iaitu jalan.

Ibn Manzur membawa dalil daripada al-Quran surah al-Maidah ayat 48 yang bermaksud: *Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing)*⁵. Imam al-Suyuti menjelaskan makna 'Syir'ah' dalam ayat tersebut ialah agama, manakala makna al-Minhaj ialah al-tariq atau jalan.⁶

Dalam ayat 48, surah al-Maidah, Ibn Kathir⁷ membawa pendapat Ibn 'Abbas yang menjelaskan 'syir'ah' sebagai 'sabil' iaitu jalan, minhaj pula bermakna sunnah. Pendapat ini sama dengan pendapat para tabiin iaitu

* Najmiah binti Omar, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: najmiah@unisza.edu.my

** Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, PhD, Profesor Jabatan al-Quran dan al-Hadith dan Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zulkifliy@um.edu.my

¹ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (2003), Kaherah: Dar al-Hadith, 8:714.

² Ahmad Ismail Naufal (2007), *Manahij al-Bahthwa al-Ta'lif Fi al-Qasas al-Qurani*, 'Amman: Darul al-Fadhilah, 7 .

³ Al-Asfahani, al-Raghib (2009), *Mufradat Alfaz al-Quran*, Damsyiq: Dar al-Qalam, 825.

⁴ Ahmad bin Faris bin Zakaria, Abu al-Husain, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), 5: 361.

⁵ Al-Maidah 5: 48.

⁶ Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abdul Rahman (2006), *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid, 1: 228.

⁷ Ibn Kathir, Ismail bin Kathir (1993), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Beirut: Al-Maktabah al-'Asriah, 2: 62.

Mujahid, ‘Ikrimah, al-Hasan al-Basri, Qatadah, al-Dahhak, dan Abi Ishak al-Sabii’. Al-Syaukani⁸ menjelaskan perkataan minhaj bermakna jalan yang jelas lagi nyata. Beliau membawa kata-kata Abu al-Abbas Muhammad Bin Yazid al-Mubarrad iaitu syariat ialah permulaan jalan. Minhaj pula ialah jalan yang berterusan. Makna ayat tersebut ialah Allah menjadikan kitab taurat untuk umatnya, kitab injil untuk umatnya, dan al-Quran untuk umatnya.

Manhaj dari Sudut Istilah

Dari sudut istilah pula, Muhammad al-Ghazali⁹ menjelaskan manhaj ialah *masdar al-makrifah* atau sumber ilmu pengetahuan. Selain daripada ayat 48 surah al-Maidah, Muhammad al-Ghazali turut membawa ayat 153, Surah al-An’am yang bermaksud: “*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya, dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Beliau menjelaskan setiap ilmu pengetahuan ada manhajnya, alat-alatnya, teknik-teknik yang khusus untuk memahami dan menyedarinya. Contohnya dalam aspek pendidikan, akhlak, sejarah, politik dan kemasyarakatan. Bagi setiap manhaj pula terdapat ciri-ciri, syarat-syarat, keistimewaan, dan cara untuk sampai kepadanya. Ahmad Naufal¹⁰ menukilkan kata-kata Doktor al-Badwi yang mengatakan Aflatun menggunakan perkataan manhaj bermakna mengkaji, meninjau atau pengetahuan. Ahmad Naufal merumuskan manhaj dari aspek *isytiqaq* bahasa Arab bermakna jalan atau manhaj yang membawa kepada matlamat yang ingin dicapai sepanjang menempuh kepayahan dan kesukaran. Dari aspek ahli mantik pula, manhaj bermaksud satu seni sistematik yang benar bagi rangkaian pemikiran dan idea-idea, sama ada semata-mata mengkaji tentang hakikat atau semata-mata sebagai bukti atau dalil ke atasnya bagi yang selainnya. Ahmad Naufal¹¹ merumuskan, manhaj terbahagi kepada dua aspek iaitu; menyingkap sesuatu hakikat kebenaran yang dinamakan manhaj analisis dan aspek penyusunan dan kepenggarangan atau dinamakan *manhaj al-ta’lif*.

Dato’ Hajjah Rogayah binti Sulong

Beliau dilahirkan pada 24 Januari tahun 1942 di Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, Terengganu dan dibesarkan di kampung kelahirannya. Kini menetap di Kampung Durian Guling, Marang, Terengganu.¹² Dato’ Hajjah Rogayah dibesarkan dalam keluarga yang sederhana. Ibu dan bapa bekerja sebagai petani dan bercucuk tanam. Dato’ Hajjah Rogayah dibesarkan dalam keluarga yang menitikberatkan akhlak, al-Quran dan pendidikan agama semenjak dari kecil. Semenjak kecil, beliau sudah dididik dalam suasana cintakan al-Quran, menghidupkannya dan mengajarkan pula kepada orang ramai.

Pendidikan Awal

Dato’ Hajjah Rogayah binti Sulong mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Buloh Gading. Sekolah itu terletak berdekatan dengan rumah Dato’ Hajjah Rogayah ketika beliau berada di zaman kanak-kanak. Jika ditinjau dari aspek latar belakang negeri Terengganu pada masa itu. Terengganu berada di bawah pentadbiran tentera Jepun antara tahun 1942 hingga 1945. Pada tahun 1943, Jepun memindahkan pentadbiran negeri Terengganu, Perlis, Kedah, dan Kelantan ke bawah pentadbiran Thai, manakala negeri-negeri yang lain masih kekal di bawah pemerintahan Jepun. Jepun memasuki Terengganu pada 10 Disember 1941. Tentera British menyerah kalah di Singapura pada 15 Februari 1942. Setelah itu, tentera Jepun mengambil alih pemerintahan sehingga dikalahkan oleh Tentera Berikut pada tahun 1945.¹³

Secara umumnya, pendidikan awal terbahagi kepada dua iaitu pendidikan secara formal dan pendidikan secara tidak formal. Beliau mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Buloh Gading. Kemudian meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di Sekolah Agama Kampung Tengah.¹⁴ Manakala pendidikan secara non formal berlaku di rumah iaitu pengajian al-Quran dan tarannum. Beliau mula

⁸ Al-Syaukani, Muhammad Bin ‘Ali Bin Muhammad (2007), *Fath al-Qadir*, Kaherah: Dar al-Hadith, 2: 65.

⁹ Muhammad al-Ghazali (1992), *Kaifa Nata’amal Ma’ a al-Quran*, Al-Mansurah: Ma’had al-‘Alami li al-fikr al-Islami, 16.

¹⁰ Ahmad Ismail Naufal (2007), *Manahij al-Bahthwa al-Ta’lif Fi al-Qasas al-Qurani*, ‘Amman: Darul al-Fadhilah, 7.

¹¹ Ibid.

¹² Sidang Redaksi, Johan Qari Dan Qariah Malaysia (Kuala Lumpur: JAKIM, 2007) 107

¹³ Abdullah Zakaria Ghazali, (1996), *Pentadbiran Tentera Jepun Dan Thai Di Terengganu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.2

¹⁴ Sidang Redaksi, 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2008).

mempelajari asas-asas al-Quran ketika berusia 11 tahun. Guru-guru al-Quran pada peringkat awal ialah Hajjah Nik binti Haji Jusoh, ibu beliau sendiri, Cik binti Ali, isteri kepada bapa saudara beliau, dan Haji Jusoh bin Ismail, datuk di sebelah ibu. Datuk kepada Dato' Hajjah Rogayah juga mengajar al-Quran kepada masyarakat kampung dan mempunyai sebuah surau kecil berdekatan dengan rumah.¹⁵

Guru-guru Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Kekuatan dan kehebatan Dato' Hajjah Rogayah terletak pada guru-guru beliau yang hebat. Dato' Hajjah Rogayah mendapat latihan yang mantap daripada guru-guru beliau. Di samping itu Dato' Hajjah Rogayah seorang yang cukup berdisiplin dalam menjalani latihan. Guru-guru al-Quran dan tarannum beliau ialah Megat Othman bin Megat Chik, suami beliau sendiri, Hj. Muhammad bin Awang Kechik, dikenali dengan Hj. Mat Lintar, Qari Istana negeri Terengganu dan Awang bin Muhammad atau dikenali sebagai Ayah Long Awang Nobat.¹⁶

Kesimpulannya, cara Dato' Hajjah Rogayah mempelajari al-Quran melalui dua peringkat iaitu peringkat asas iaitu proses mula mengenali al-Quran. Peringkat kedua ialah peringkat mendalam al-Quran dan tarannum. Pada peringkat pertama, beliau mula mengenal al-Quran melalui guru yang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang dekat dengan beliau. Beliau membesar dalam suasana keluarga sederhana yang cintakan al-Quran dan mengambil berat terhadap pengajian al-Quran. Asas yang kukuh yang dibina oleh keluarga sejak kecil lagi tentang kepentingan al-Quran telah memperkayakan lagi bakat beliau dalam bidang tarannum al-Quran. Sejak kecil lagi, Hajjah Rogayah telah menunjukkan kepintaran, minat dan kesungguhan serta mempunyai bakat dalam tarannum. Beliau berkata suasana kehidupan semasa beliau remaja berbeza dengan zaman sekarang. Kalau dahulu, perempuan yang akan dilamar akan ditanya tahap pembacaan al-Quran, mahir atau sebaliknya. Tetapi berbeza dengan zaman sekarang. Anak perempuan akan ditanya apa pekerjaannya. Ini menunjukkan pada zaman dahulu, masyarakat lebih menitikberatkan kemahiran membaca al-Quran daripada yang lain. Pada peringkat kedua pula peringkat lanjutan dan peringkat mempelajari ilmu tarannum. Beliau juga mempelajari ilmu tajwid dan tarannum dengan suami beliau sendiri iaitu Megat Othman bin Megat Chik, Awang bin Muhammad dan Hj. Muhammad bin Awang Kechik atau dikenali sebagai Hj Mat Lintar pada tahun 1960-an. Kaedah pembelajaran sebegini juga diterapkan dalam pengajaran al-Quran dan tarannum kepada anak-anak murid beliau. Hajjah Rogayah juga telah memperolehi sijil talaqqi 30 juzuk al-Quran bersanad. Beliau juga diberi tauliah oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengijazahkan anak murid yang tamat belajar al-Quran dengan beliau sebanyak 30 juzuk al-Quran. Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan 30 juzuk al-Quran beserta dengan tajwid yang baik, fasahah dan mahir akan ditauliahkan oleh beliau dengan mendapat sijil yang khusus daripada beliau seperti yang terdapat dalam lampiran. Beliau tidak memberikan sijil secara sewenang-wenangnya. Bagi pelajar yang tidak mampu membaca dengan baik, tidak akan memperolehi sijil ijazah daripada beliau.¹⁷

Kejayaan dalam Bidang Tarannum

Menurut sidang redaksi buku Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, beliau memenangi sebagai johan qariah kebangsaan sebanyak tujuh kali. Pertama kali beliau menjadi Johan qariah di peringkat kebangsaan adalah pada tahun 1961. Beliau memenangi kali kedua pula pada tahun 1963. Kali ketiga pula pada tahun 1966. Kali keempat pada tahun 1973. Kali kelima pada tahun 1974. Kali keenam pada tahun 1978 dan kali ketujuh pada tahun 1979. Di peringkat antarabangsa pula Hajjah Rogayah berjaya menjadi juara sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1966, 1973, 1974, dan 1978.¹⁸

Kejayaan di Peringkat Antarabangsa

Penyertaan dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Contohnya pada tahun 1960-an, peserta yang menjadi johan di peringkat kebangsaan layak menjadi johan menunggu sebanyak dua kali sahaja. Selepas itu, beliau hendaklah berehat selama dua tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya. Beliau kemudiannya, boleh menyertai majlis berikutnya dengan menyertai majlis

¹⁵ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2013. Baiki cara penulisan nota kaki untuk sumber rujukan ini.

¹⁶ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru al-Quran dan tarannum, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 4 September 2014. Baiki cara penulisan nota kaki untuk sumber rujukan ini.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Sidang Redaksi, Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2003)

tilawah al-Quran di negerinya terlebih dahulu bermula daripada peringkat daerah. Peserta tidak dibenarkan menyertai majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan selepas tiga kali mendapat tempat pertama dalam majlid tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sama ada secara berturut-turut atau tidak.¹⁹

Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum


Pengajaran merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan, dan penilaian. Secara ringkas, pengajaran merupakan proses penyampaian dan penyumbangan idea-idea serta pemudahcaraan pembinaan ilmu, penentuan standard dan menggalakkan kreativiti, membantu seseorang pelajar untuk belajar dan mencabar pelajar ke arah pencapaian optimum.²⁰

Pengajaran juga adalah menyatakan kesanggupan untuk mencari ilmu sepanjang hayat, menghormati kanak-kanak, remaja dan dewasa, berkongsi pengetahuan, membimbang, mengarah, membantu, menyubur dan merancang. Menetapkan matlamat untuk diri sendiri dan murid. Menghadapi cabaran diri dan profesional dan menyalurkan budaya dan nilai rasional.²¹

Terdapat satu kata sifat yang biasa digabungkan dengan terma pengajaran iaitu ‘berkesan’ dengan menjadi ‘pengajaran berkesan’. Terdapat empat orang sarjana mentakrifkan tentang pengajaran berkesan. Pada tahun 1992, Stones mendefinisikannya sebagai Pengajaran Berkualiti. Pada tahun 1993, Brown menjelaskannya sebagai mengajar dengan baik. Pada tahun 1996, Woods mentakrifkannya sebagai mengajar dengan kreatif. Akhir sekali, tahun 2001 Tuner. R menjelaskan pengajaran berkesan ialah pengajaran pakar dan cemerlang.²² Oleh itu empat aspek dimaksudkan dengan pengajaran berkesan iaitu pertama Pengajaran yang berkualiti. Kedua, pengajaran yang baik. Ketiga, pengajaran yang kreatif. Dan keempat, pengajaran pakar dan cemerlang.

Definisi Pembelajaran

Pembelajaran ialah suatu gerakbalas kepada rangsangan-rangsangan yang membawa kepada satu perubahan. Pada tahun 1993, Eh Ah Meng mengatakan pembelajaran adalah satu proses memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang baru.²³ Pada tahun 1994, Shea menjelaskan pembelajaran ialah satu proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan tingkah laku.²⁴ Rozita Rosli mendefinisikan pembelajaran atau ‘*learning*’ sebagai *acquiring new knowledge and contributing to the existing pool and questioning of what is known*.²⁵ Justeru itu, perubahan yang berlaku melalui pembelajaran dapat diketahui melaui rajah berikut sebagaimana yang dijelaskan oleh Roger.²⁶



(Sumber: Mimi, Mohaffyza binti Mohamad, Che Munira binti Che Razali, *Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia*, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 613. E-prints.uthm.edu.my(2851/1) 613-6233.pdf paparan pada 13 April 2015.)

Sebagaimana yang diketahui bahawa pembelajaran adalah satu proses untuk memperolehi informasi. Antara daya penggeraknya adalah berfikir secara induktif. Hilda Taba menjelaskan tentang konsep berfikir secara induktif : “Thinking inductively is inborn and lawful. This (school renewal) is revolutionary work, because

¹⁹ Sidang Redaksi, 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2008).

²⁰ duniapendidikan ipg.blogspot.com.my . konsep pengajaran dan pembelajaran paparan pada 22 mac 2016.

²¹ Ibid.

²² <http://ilmu.edublogs.org/2011/06/27/apakah-pengajaran-dan-pembelajaran-berkesan/>comment-page-1/ paparan pada 4 April 2014 \

²³ <http://www.scilearn.com/blog/implicit-vs-explicit-instruction-word-learning> paparan pada 22 Mac 2016.

²⁴ Ibid.

²⁵ Haliza Mohd Riji, Syed Tajuddin Syed Hassan (2009), *Essential Guide To Postgraduate Study And Research*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

²⁶ Mimi, Mohaffyza binti Mohamad, Che Munira binti Che Razali, *Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia*, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 613. E-prints.uthm.edu.my(2851/1) 613-6233.pdf paparan pada 13 April 2015.

*schools have decided to teach in a lawless fashion, subverting inborn capacity*²⁷ Justeru itu, pembelajaran untuk memproses maklumat secara induktif merupakan satu lokasi penting dalam mendidik pelajaran tentang bagaimana hendak belajar dengan lebih baik. Bruce, Emily dan David memetik pandangan Taba tentang bayi yang baru dilahirkan. Bayi yang dilahirkan mempunyai kapasiti untuk mengklasifikasi dan menggunakan dengan sebaik-baiknya. Dalam beberapa bulan, bayi mempelajari dengan dua cara; perkembangan yang diperolehi melalui alam sekeliling dan perkembangan bahasa.²⁸

Berger dan Luckmann juga berpendapat bahawa pengetahuan adalah hasil daripada interaksi sosial dan faktor yang menyumbang kepada perubahan sosial. Pembelajaran memandu ke arah pemahaman yang lebih mendalam hasil daripada himpunan dan kombinasi data, perkataan, imej, nombor, dan impresi ke dalam informasi untuk ditukar kepada ilmu pengetahuan.²⁹ Contohnya adalah seperti berikut:



Manusia adalah makhluk yang berfikir. Pertanyaan atau inquiri adalah satu proses yang natural bagi manusia. Manusia dapat mengumpul informasi melalui pancaindera seperti sentuh, rasa, dengar, bau, dan lihat. Melalui maklumat tersebut lahir akan terhasil satu paten yang memberi makna terhadap dunia. Itu dinamakan ‘*sense-making*’ proses sebagaimana pendapat oleh Weick.³⁰ Brunk-Chavez dan Foster pula menjelaskan kebiasaannya, manusia tidak menyedari terhadap sesuatu proses, dan soalan-soalan akan menjadi lebih kompleks dan sofistikated. Satu penemuan dapat dicipta melalui penggunaan proses-proses secara eksplisit terhadap sesuatu inquiri.³¹

Pengajaran dan Pembelajaran Para Qari dan Qariah dalam Tarannum al-Quran

Proses Pembelajaran dan Pengajaran atau disebut PDP sentiasa berlaku perubahan mengikut arus perkembangan, peredaran masa dan perkembangan teknologi terkini. Era pembelajaran pada abad ke 21 ini berasaskan kepada Information Teknologi atau disebut IT. PDP sudah menjadi satu istilah yang standard pada masa kini. PDP adalah terdiri daripada dua perkataan yang berbeza. Masing-masing mempunyai peranan dalam membawa dua proses besar iaitu Pengajaran (*Teaching*) dan Pembelajaran (*Learning*).

Ciri-Ciri Pembelajaran Tarannum al-Quran Para Qari dan Qariah

Antara ciri-ciri pembelajaran yang dipraktikkan oleh Hajjah Rogayah Sulong ialah seperti berikut: Pembelajaran Informal, Pembelajaran Sepanjang Hayat atau *life long learning*, Pembelajaran Dewasa atau adult learning, kemahiran mendengar, pembelajaran menggunakan lisan dengan menitikberatkan aspek psikomotor iaitu penggunaan suara, pembelajaran secara induktif atau penerokaan, pembelajaran tidak proper sama ada dalam bentuk implisit atau eksplisit, pembelajaran berterusan, pembelajaran al-Quran peringkat lanjutan, pembelajaran al-Quran bersanad dan pembelajaran bertalaqqi berdasarkan sunnah Rasulullah.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Secara umumnya, pembelajaran terbahagi kepada tiga jenis iaitu pembelajaran formal, pembelajaran non-formal dan pembelajaran informal. Manakala menurut Livingstone lokasi pembelajaran ketiga-tiga aspek ini melibatkan kelas, tempat kerja dan di kalangan masyarakat. Pembangunan modal insan perlu melibatkan sinergi antara pembelajaran formal, informal dan non-formal. Ketiga-tiga aspek pembelajaran tersebut saling menjadi pelengkap (complementing), alternatif, dan tambahan (supplement) antara satu sama lain.³²

²⁷ Bruce Joyce, Emily Calhoun, David Hopkins (2009), *Models of Learning Tools for Teaching*, Edisi Ketiga, Berkshire: Open University Press


²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Sharon F. Rallis (2012), *The Research Journey, Introduction to Inquiry*, New York: The Guilford Press, 7.

³¹ Ibid.

³² Ibid.



(Sumber: Adanan Mat Junoh et. al., “*Pembelajaran Informal Ke arah Memperkasa Modal Insan : Penglibatan, Halangan dan Cabaran Di Kalangan Staf Akademik IPTA*” dalam Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia)

Proses pembelajaran seharusnya berlaku di kalangan orang dewasa yang telah memasuki alam pekerjaan dan menjadi warga sesebuah organisasi kerana pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang kehidupan manusia. Di samping itu juga, pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) atau juga disebut pembelajaran dewasa (*adult learning*) merupakan pendekatan penting untuk membangunkan modal insan dan modal intelek dalam sesebuah organisasi. Adanan Mat Junoh dan rakan-rakan mengambil pandangan Eraut dengan menjelaskan pembelajaran informal merupakan hati kepada pembelajaran sepanjang hayat atau pembelajaran dewasa. Istilah pembelajaran informal telah lama dibincangkan oleh ahli falsafah pendidikan seperti John Dewey, Kurt Lewin, dan Merry Parker.³³

Tarannum al-Quran

Dalam aspek definisi tarannum pula, Ibn Manzur menjelaskan dalam *Lisan al-Arab*,³⁴ antara perkataan yang sama erti dengan tarannum dalam bahasa Arab ialah *al-lahn* dan *al-ghina'* sebagaimana digunakan dalam beberapa hadis nabi. Dalam bahasa Inggeris, tarannum juga diistilahkan sebagai “intonation, modulation, recital, chanting, singing and humming”,³⁵ iaitu yang merangkumi maksud intonasi, nyanyian dan bacaan yang baik. Dalam artikel jurnal berjudul *Pro Dan Kontra di dalam Tilawah al-Quran: Satu Kajian Perbandingan* menyimpulkan terdapat lima perkataan yang seerti dengan tarannum iaitu *al-tarji'*, *al-taghanni*, *al-tatrib*, *al-talhin*, dan *al-tanghim*.³⁶ Manakala Nik Jaafar Nik Ismail³⁷ mentakrifkan tarannum sebagai suatu ilmu kaedah suara yang dipelbagai bunyi mengikut nada, rentak dan irama tertentu untuk menambah seni bunyi sesuatu bacaan, khususnya bacaan Al-Quran.

Manhaj Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

1. Penekanan Kepada Empat Aspek : Tajwid, Suara, Fasahah dan Tarannum

Tarannum tidak boleh berdiri dengan sendiri. Ia terikat dengan aspek tajwid, suara dan fasahah termasuk bacaan secara tariil yang melengkapi bacaan yang bertaraf tinggi. Empat aspek tersebut juga menjadi kriteria utama dalam pengiraan hakim dalam majlis tilawah al-Quran di Malaysia peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

2. Penekanan Kepada Ilmu Tajwid

Imam Ibnu Jazari³⁸ menyatakan puisi kitab beliau yang bermaksud: “Mengamalkan tajwid itu suatu kewajipan, kerana berdosa tidak memperelokkan bacaan.” Dari aspek hukum, pembacaan al-Quran bertajwid adalah fardhu ain bagi setiap orang Islam terutama bagi setiap qari dan qariah. Seseorang qari semestinya mendalami tajwid demi memelihara lidah dari kesalahan jaliy dan khafiy semasa membaca kalam Allah. Ia juga bertujuan menyelematkan seseorang qari daripada tersasar dalam menyebut makharij al-huruf dan sifat-sifatnya.³⁹

³³ Adanan Mat Junoh, Mohd Azhar Abd Hamid, Mohamad Najib Abdul Ghafar, Zainudin Hassan, *Pembelajaran Informal Ke arah Memperkasa Modal Insan: Penglibatan, Halangan Dan Cabaran Di Kalangan Staf Akademik IPTA*, UTM Institutional Repository, eprints.utm.my/14764/ paparan pada 5 Disember 2014.

³⁴ Ibn Manzur (2003), *Lisan al-Arab*, Jil. Ke-4, Kaherah: Darul Hadith, 263-264.

³⁵ Rohi Baalbaki, Al-Mawrid (2993), *A Modern Arabic-English Dictionary*, Cet. Ke-5, Beirut: Dar El -Ilm Lilmalayin. Hlm. 311.

³⁶ Muhammad Lukman Bin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff, Mustaffa Bin Abdullah (2012), *Pro Dan kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*, Quranica, Volume 2, 87.

³⁷ Nik Jaafar bin Nik Ismail, Buku Qawaaid al-Tarannum, Cara Berlagu (2012), cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 112.

³⁸ omartahfiz.blogspot.com/2011/06/pemantapan-tarannum-al-quran paparan pada 14 November 2014.

³⁹ Ibid.

Definisi Tajwid dari sudut bahasa ialah memperelokkan. Pada istilah pula ialah menyebut setiap huruf mengikut makhrajnya serta menyempurnakan sifatnya sama ada huruf tersebut berkekalan pada sifat atau tidak⁴⁰. Saidina Ali bin Abi Talib menjelaskan ilmu tajwid adalah satu ilmu yang penting. Beliau mendefinisikan ilmu tajwid sebagai: Iaitu ilmu pengetahuan tentang waqaf dan tempat-tempat keluar makhraj huruf.⁴¹ Dengan kata lain, ilmu tajwid berkait rapat dengan gagasan menyebut bahasa arab yang tepat, menjadi timbangan dari aspek makhraj dan sifat. Salah satu komponen penting dalam bahasa al-Quran adalah makhraj kerana ia dapat membezakan bunyi yang terdapat dalam huruf-huruf hijaiyah dengan tepat. Seseorang qari mesti mengenali kedudukan huruf agar dapat menyebut dengan tepat melalui guru-guru yang pakar berserta dengan amali. Sebab itulah pentingnya pembelajaran secara talaqqi dan musyafahah.⁴²

Mohd Rahim⁴³ menjelaskan, sifat huruf terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sifat yang berkekalan seperti Isti’la’, Itbaq, dan sebagainya. Ini dinamakan *haqqul Huruf*.
2. Sifat yang berubah-ubah mengikut suasana huruf dan harakat, seperti tebal atau nipis (Tafkhim/Tarqiq), Idghām atau Izhār dan sebagainya. Ini dinamakan *Mustahaqqul harf*.

Fasahah

Antara dua aspek yang berkaitan dengan fasahah ialah penyebutan lajhah Arabiyyah dan kemahiran waqaf dan ibtida’ yang betul.

Penguasaan Waqf dan Ibtida’ yang Betul

Imam al-Suyuti menjelaskan ulama terdahulu banyak mengarang tentang waqf dan Ibtida’ secara khusus seperti Abu Jaafar al-Nuhas, Ibn al-Anbari, al-Zujaj, al-Dani, al-Ummani dan al-Sajawundi⁴⁴. Imam al-Suyuti membincangkan secara panjang lebar perbahasan tentang al-Waqf dan al-Ibtida’ dalam karya beliau *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Imam al-Suyuti memetik kata-kata Ibn al-Anbari: “Antara kesempurnaan pengetahuan al-Quran ialah mengenali tentang Waqf dan Ibtida’.”⁴⁵

Waqf dan ibtida’ memainkan peranan penting kepada para qari dan qariah. Waqf dan Ibtida’ adalah gabungan dua aspek yang berbeza iaitu waqf dan ibtida’. Waqf ialah satu ilmu yang digunakan ketika hendak memberhentikan bacaan al-Quran, manakala ibtida’ pula digunakan ketika hendak memulakan bacaan al-Quran. Waqf dan ibtida’ merupakan kesalahan yang biasa dilakukan oleh qari ketika membaca al-Quran sekiranya tidak memahami ilmu tersebut. Antara tujuan mengetahui ilmu waqf dan ibtida’ ialah: 1. Membantu qari untuk menghentikan bacaan. 2. Mengambil kesempatan untuk menghentikan bacaan sementara mengambil nafas baru. 3. Memperelokkan bacaan sambil mengikut hukum tajwid. 4. Mengurangkan kesalahan qari dalam mengambil nafas atau mencuri nafas ketika hendak membaca tanpa berhenti. Contoh penekanan aspek waqf dan ibtida’ yang disampaikan oleh Dato’ Hajjah Rogayah ialah :

Dalam surah al-Tin ayat 5 dibaca dengan wasal dengan ayat 6 dan berhenti hingga ayat ‘wa’amilu al-salihat’. Kemudian barulah bermula dengan ayat 6 semula.⁴⁶

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْقَلَ سُفَلِينَ ٥ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ٦
Al-Tin 95: 5-6.

Penjagaan waqf dan ibtida’ dalam ayat 90, surah al-Maidah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَا كُلُّهُمْ تَفْلِحُونَ ٩٠
Al-Maaidah 5: 90.

Dalam ayat 90, surah al-Maidah ini, pembaca hendaklah mewaqafkan bacaan pada perkataan ‘al-maisir’, iaitu :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ

⁴⁰ Mohd Rahim Jusoh (2012), *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqf*, Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 347.

⁴¹ Muhammad Al-Habsy (1998), *Kaifa Taqra’ al-Quran*, Syria: Darul al- ‘Usama’, 16.

⁴² Ibid.

⁴³ Mohd Rahim Jusoh (2012), *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqf*, Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 347.

⁴⁴ Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abdul Rahman, (2006), *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid, 1: 228.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Pemerhatian terhadap pengajaran Hajjah Rogayah binti Sulong pada 4 September 2014.

Kemudian menyambung semula pada ayat ‘Innama al-khammr wa al-maisir’ sehingga berhenti pada kalimah ‘al-Syaitan’, iaitu:

إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْزَلُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ

Kemudian ibtida’ semula bacaan pada ayat ‘fajtanibuhu’ sehingga ayat ‘la ’allakum tuflihu’.

فَاجْتَبَيْنَاهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ٩٠

Penyebutan Lahjah Arabiyyah

Lahjah bererti loghat dalam bahasa Arab iaitu gaya bunyi suara yang berbudaya arab seperti Lahjah Quraysh, Huzayl, Tamim, Thaqif, Hawazin, Kinanah, dan al-Yaman.⁴⁷ Imam al-Bayhaqi dan Imam Mahmud al-Alusi berpendapat bahawa al-Quran tidak terkeluar daripada tujuh bahasa yang paling fasih dalam bahasa Arab di kalangan bangsa Arab. Walaubagaimanapun ini bukan bererti setiap kalimah dalam al-Quran menggunakan tujuh bahasa tersebut. Sebaliknya, ketujuh-tujuh bahasa tersebut tersebar di pelbagai tempat di dalam al-Quran.⁴⁸

Salah satu manhaj yang sering digunakan oleh Hajjah Rogayah ialah pengambilberatan tentang penyebutan lahjah Arabiyyah sejak di peringkat awal. Lahjah Arabiyyah mempunyai kaitan dengan ilmu tajwid. Mempunyai persamaan yang amat ketara. Tiada beza. Kecuali pada dua aspek iaitu jenis-jenis mad dan dengung. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad al-Habsy dalam kitabnya *Kaifa Taqra’ al-Quran*.⁴⁹

Kehadiran tarannum seiring dengan tilawah al-Quran bertajwid. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Oleh itu, tajwid mempunyai kaitan dengan lahjah Arab kerana dalam ilmu tajwid, terdapat aspek penekanan sebutan huruf-huruf al-Quran mengikut sebutan Arab yang betul. Bertepatan dengan kata-kata Ibn Mas’ud r.a yang bermaksud: “Hendaklah kamu bertajwid dengan bacaan al-Quran, hiasilah bacaan al-Quran itu dengan sebaik-baik suara dan mengarabkanlah lahjah bacaannya. Kerana al-quran itu dari Bahasa Arab, sedangkan Allah sendiri suka bahawa al-Quran itu dibaca dengan lahjah Arab.”⁵⁰ Daripada kata-kata Ibn Mas’ud ini, dapat dirumuskan bahawa ciri-ciri yang baik ketika membaca al-Quran ialah; membaca dengan bertajwid, membaca dengan suara yang elok dan lebih afdhal dibaca dengan lahjah Arab.

Suara

Manusia dianugerahkan Allah dengan nikmat suara yang istimewa berbeza dengan makhlik yang lain. Suara manusia adalah satu getaran bunyi yang unik. Ini kerana ia boleh diproses, dilatih, dan dipelajari serta disesuaikan mengikut getaran bunyi yang diinginkan. Sebagai contoh, suara manusia mampu meniru pelbagai gaya suara atau bunyi haiwan, muzik dan pertuturanbahasa dan loghat sesama manusia. Getaran bunyi yang dihasilkan oleh manusia juga perlu dikendalikan dengan baik untuk mencapai tahap kelunukan dan keindahan yang memukau dan menarik diperdengarkan. Latihan suara manusia ini boleh mengubah dari tahap suara biasa kepada tahap yang terbaik melalui latihan yang berterusan⁵¹.

1. Teknik Tahsin al-Sawt

Tahsin al-saut adalah hasilan dari prosesan bunyi oleh alat-alat pengendalian suara dengan rapi dan cermat. Terdapat empat teknik tahsin al-saut⁵² iaitu; teknik penekanan pernafasan untuk lembut atau keras, teknik pengendalian pipit suara, untuk nyaring dan perlahan, teknik penyaluran bunyi, untuk kemanisan dan kelincinan serta teknik pengawalan nafas, untuk memanjang atau memendek nafas.

2. Penguasaan Lagu-lagu Popular Sebagai Lagu Pokok

Dalam artikel atas talian daripada ensiklopedia muslim membahagikan tarannum kepada dua kategori.⁵³ 1. *Tarannum bi al-Tahqiq-* iaitu tarannum yang dibaca dengan kadar tahqiq menurut kaedah tajwid. Biasanya kategori ini diamalkan oleh qari-qari Mesir muktabar seperti Syeikh Abdul Basit Abdul Samad dan lain-lain.

⁴⁷ jamaljauhari.blogspot.com/2010/07/suara.html?m=1 paparan pada 14 November 2014.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Muhammad Al-Habsy, *Kaifa Taqra’ al-Quran*, (Syria: Darul al- ‘Usama’, 1998), 16.

⁵⁰ Nik Jaafar bin Nik Ismail, Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu (2012), cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 112.

⁵¹ jamaljauhari.blogspot.com/2010/07/suara.html?m=1 paparan pada 14 November 2014.

⁵² shoutunnajihin.blogspot.com paparan pada 14 November 2014.

⁵³ [Ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara...](http://ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara...) paparan pada 13 Julai 2014.

Kategori ini digunakan di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. 2. *Tarannum bi al-Tadwir*- Tarannum yang dibaca dengan kadar Tadwir menurut kaedah ilmu tajwid. Biasanya kategori ini diamalkan oleh Imam-imam Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah seperti Fadhilah al-Duktur Abdul Rahman bin Abdul Aziz al-Sudais dan lain-lain.

Mohd Salih al-Fattani⁵⁴ (terj. Abdul Ghani: 2007) menyenaraikan 28 jenis lagu yang ada seperti Husaini, Iraqi, Rasat, Dukah, Sikah, Hafatkah, Syashkah, Jahadkah, Banjakah, Hijazi, Asfahani, Rahawi, Kurdi, Bayati, Awj, Najdi, Rukbi, Nairuz, Saba, Ramal, Syukah, Rankala, Hisar, Miyah, Syahnaz, Asysyaq, Buslik, dan Nahfat. Pokok dan cabangnya pula melebihi 350 manakala kebanyakannya dinamakan dengan bahasa Parsi, bahasa Arab dan bahasa asing. Tarannum mempunyai kaedah yang khusus dan ilmu yang tersendiri. Bertarannum tanpa ilmu boleh merendahkan martabat al-Quran, mencacatkan al-Quran dan membawa kepada haram.⁵⁵

Menurut Mohd Sabri Mohd Yunus,⁵⁶ ketika zaman-zaman keagungan Islam dahulu, cabang-cabang ilmu Islam begitu pesat berkembang serta mempunyai berbagai aliran mazhab. Seiring dengan itu, ilmu tarannum juga membangun serta mempunyai berbagai aliran yang popular antaranya; Misri (Mesir), Hijazi (Mekah dan Madinah), Iraqi, Kurdi (sempadan Iraq dan Turki) dan ‘Ajami (Iran). Menurut beliau lagi, kini aliran yang paling popular dan diterima di seluruh dunia ialah aliran Misri. Qari-qari Mesir yang muktabar telah mengambil dan mengubah suai tarannum-tarannum atau lebih mereka sebutkan sebagai ilmu maqamat itu dari aliran-aliran di atas mengikut budaya mereka serta mengarabkannya untuk bacaan Al-Quran. Tarannum Misri dan Hijazi ada asas-asasnya yang tersendiri. Nik Jaafar Nik Ismail membawa pendapat Taha al-Fashni dari Mesir yang menjelaskan qari-qari mesir kebiasaannya tidak lari daripada asas-asas tarannum yang empat iaitu bayati, hijazi, iraqi dan rast. Manakala selainnya adalah sebagai cawangan sahaja seperti husaini, kurdi, soba, ajam, nahawand, nawa asar (usyaq), sikah dan jaharkah. Oleh itu, kesemuanya adalah sebanyak 12 lagu untuk bacaan al-Quran. Manakala selebihnya adalah diamalkan untuk lagu-lagu qasidah dan lagu muzik sahaja.⁵⁷

Menurut sebuah artikel atas talian daripada ensiklopedia muslim, lagu-lagu asas aliran tarannum Hijazi diketahui dengan kata-kata ‘*Bihumurin jasad*’. Artikel ini menyenaraikan 7 jenis lagu asas tersebut iaitu; Banjakah, Husaini, Mayyah, Rakbi, Jiharkah, Sikah, dan Dukah. Selain itu terdapat lagu-lagu cabang seperti Ruma, Ushshak, Sun’ani, Yaman, Hijaz, dan Hirab. Sementara itu, 7 jenis aliran tarannum misri yang popular ialah; Bayati, Soba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah dan Jiharkah. Lagu-lagu cabang atau furu’ pula ialah Husaini, Huzam, Farahfaza, Shad, Nawa Athar, dan Rahat El Arwah.⁵⁸

Jika diperhatikan terdapat persamaan nama dalam aliran Hijazi dan Misri, malah terdapat juga tarannum Misri diberi nama Hijaz. Ini menunjukkan keterbukaan dan keilmuan qari-qari Mesir dalam mengambil, mengubahsuai, dan memperbaharui ke arah mencantikkan lagi tarannum-tarannum sesuai dengan suasana, peredaran zaman dan citarasa terkini, tetapi tidaklah sampai menghilangkan identiti asal dan yang paling utama keutuhan tarannum bil Quran yang berlahjah Arab.⁵⁹

Mengenali Jenis-jenis Tarannum

Lagu terbahagi kepada dua:⁶⁰ 1. Lagu dasar utama dan lagu furu’ atau lagu cabangan. Lagu tersebut ialah bayati, soba, hijaz, nahawan,rast,sika,dan jiharkah. 2. Lagu-lagu furu’ atau cabangan. Antaranya ialah lagu ajam, syura, kardi, husaini, bustanjar, Iraqi, nawa asar, zanjaran, romal,dan isyaqi.

Menurut Haji Nik Jaafar, sejarah kewujudan nama lagu tidak terdapat dalam mana-mana hadis nabi, yang ada ialah galakan supaya membaca al-Quran dengan berlagu. Nama lagu wujud setelah zaman tabiin supaya ia senang diklasifikasikan. Dalam asas ilmu Tarannum al-Quran, terdapat tujuh jenis lagu yang masyhur iaitu Bayati, Nahwand, Rast, Jiharkah, Soba, Hijaz dan Sikah.⁶¹

⁵⁴ Muhammad Salih bin Zainal Abdidn (2007), *Siraj al-Qari Pada membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, terj. Abdul Ghani Jabal al-Muraqi, Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Mohd Sabri Mohd Yunus, Maksud Seni Tarannum, qariqariah.blogspot.my/2008/08/maksud-seni-tarannum.html paparan pada 22 Mac 2016.

⁵⁷ Nik Jaafar bin Nik Ismail (2012), *Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu*, cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 112.

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ [Ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara...](http://ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara...) paparan pada 13 Julai 2014. Baiki cara penulisan nota kaki untuk sumber rujukan ini.

⁶⁰ Khaulahazzur.blogspot.com/.../normal-0-... paparan pada 10 Julai 2014. Baiki cara penulisan nota kaki untuk sumber rujukan ini.

⁶¹ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu* (2012), cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 112.

Lagu Bayati

Pelajar seharusnya menguasai harakat-harakat dalam bayati agar dapat mengalunkan lagu tersebut dengan betul. Perkataan ‘bayati’ berasal dari kalimah arab yang bererti rumah yang melambangkan permulaan kepada segala lagu. Kewujudan lagu bayati adalah dari kumpulan lahan misri. Lagu bayati ini dimasyhur dan dipopularkan oleh qari-qari misri. Lagu Bayati adalah lagu permulaan yang biasa dibawakan oleh mana-mana Qari. Bayati bermaksud rumahku. Maknanya, kita bermula dari rumah dan akan pulang ke rumah. Begitu juga Tarannum, bermula dengan Bayati kemudian diikuti oleh lagu-lagu yang lain seperti Hijaz, Nahwand, Rast dan kembali semula kepada lagu Bayati apabila menamatkan bacaan. Menurut Haji Nik Jaafar, bayati adalah alunan tarannum yang dipopularkan oleh qari-qari Arab terutama qari Mesir. Berdasarkan sejarah kepopularan tarannum bayati, ia mula diperkenalkan di Tanah Melayu kira-kira pada tahun 1940-an. Bayati adalah alunan tarannum yang penting sehingga Nik Jaafar menjelaskan sekiranya sesuatu persembahan bacaan al-Quran tidak dimasukkan tarannum bayati, ia menjadi belum sempurna dan lengkap.⁶² Terdapat empat sifat tarannum Bayati iaitu; lembut di samping tegas, sesuai dengan tobaqat sederhana, harmoni, dan berunsur ketenangan.⁶³

Lagu Soba

Perkataan ‘soba’ berasal dari kalimah arab yang bererti rindu. Lagu soba diamalkan dalam kumpulan lahan Misri. Lagu soba dikemaskinikan dan dimasyhurkan oleh qari-qari Misri.⁶⁴

Terdapat empat sifat tarannum Soba iaitu gerak ringan meresap jiwa, alunan lembut yang mendayu, sesuai dengan tabaqat sederhana, dan sesuai dengan ayat memohon, merayu, dan merintih. Terdapat empat peranan tarannum Soba iaitu; menenangkan persembahan, membawa kehusyukan dan keinsafan, dapat menimbulkan kesenian fasohah al-Quran dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran.

Lagu Hijaz

Nama ‘hijaz’ berasal dari suatu kawasan dalam negara Arab Saudi. Tarannum Hijaz popular sebagai pelopor tarannum dahulu. Kini, lagu hijaz diubahsuai dan dimasyhurkan oleh pakar-pakar tarannum Misri dengan alunan mengikut zouq budaya Mesir. Sifat tarannum hijaz ialah; gerak lambat tetapi berkesan, ketegasan pendorong semangat, kelincahan menghidupkan persembahan, sesuai dengan mana-mana tabaqat dan sesuai dengan ayat perintah, tegas, atau marah. Peranan tarannum Hijaz ialah; memberi semangat kepada persembahan, memberi kepuasa kepada pembaca dan pendengar, memberi tenaga kepada tarannum sesudahnya, menunjukkan ketegasan kepada mesej al-Quran, dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran, dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran.

Lagu Nahawand

Lagu nahawand berasal daripada nama satu tempat yang terletak di daerah Hamdan dalam negara Parsi kini adalah Iran. Lagu nahawan ini juga dipopularkan oleh qari-qari daerah tersebut mengikut zuq budaya tempatan dan kini diubahsuai oleh pakar tarannum Misri mengikut zouq dan budaya Mesir.⁶⁵ Sifat tarannum Nahwand ialah; gerak ringan yang berkesan, kelembutan bersopan, sederhana memikat jiwa, kehalusan seni, dan sesuai dengan tabaqat sederhana.⁶⁶ Peranan tarannum Nahawand ialah melembutkan bacaan, menenangkan jiwa pembaca dan pendengar, sesuai dengan ayat memohon, dan bercerita, dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran.⁶⁷

Lagu Rast

Nama rast berasal dari negara Parsi iaitu Iran. Lagu rast diubahsuai dan diterima oleh pakar-pakar tarannum lahan Hijazi dengan dipopularkaneseluruhan dunia Islam mengikut lahan Hijazi. Di samping itu, lagu ini telah diubahsuai semula oleh pakar-pakar tarannum Misri dengan cara persembahan yang lebih lembut dan minat

⁶² Ibid.

⁶³ Ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara... paparan pada 13 Julai 2014.

⁶⁴ Khaulahazzur.blogspot.com/.../normal-0-... paparan pada 10 Julai 2014.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁶⁷ Khaulahazzur.blogspot.com/.../normal-0-... paparan pada 10 Julai 2014.

dengan dipopulkarkan oleh keseluruhan dunia Islam sehingga sekarang.⁶⁸ Sifat tarannum Rast ialah ; gerak lembut di samping ketegasan, kelembutan alunan, lincah menyemarakkan, sesuai dengan mana-mana tabaqat, dan sesuai dengan mana-mana bentuk ayat. Peranan tarannum rast ialah; memberi semangat kepada persembahan, memberi tenaga kepada tarannum berikutnya, memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar, dapat menimbulkan kesenian fasohah al-Quran dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran.⁶⁹

Lagu Sikah.

Lagu sikah berasal dari negara Parsi atau Iran. Lagi ini telah diubahsuai dan digunakan oleh pakar tarannum Hijazi. Lagu ini juga dipopulkarkan kepada seluruh qari dan qariah mengikut lahan Hijazi bermula kurun ke-7 hingga ke-19 Masihi. Lagu sikah ini diubahsuai oleh pakar tarannum lahan Misri dengan alunan yang lebih lembut kemudiannya sehingga sekarang. Sifat tarannum sikah ialah; gerak lembut meyakinkan, kelembutan menusuk kalbu, berciri kesedihan dan rintihan, sesuai dengan ayat-ayat merayu, memohon dan merintih, dan sesuai dengan mana-mana tabaqat. Peranan tarannum Sikah ialah; melembutkan persembahan, memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar, membawa kekhusukan dan keinsafan, dapat menimbulkan kesenian fasohah al-Quran, dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran.⁷⁰

Lagu Jiharkah

Nama jiharkah berasal dari negara Parsi dan diterima pakai oleh qari negara Hijazi dengan pengubahsuaian. Ia dimasyhurkan oleh qari-qari Mesir dengan bentuk yang lebih lembut.⁷¹ Sifat tarannum Jiharkah ialah ; gerak ringan yang berkesan, kelembutan menusuk kalbu, harmoni, sesuai dengan ayat-ayat merayu, memohon, dan merintih, dan sesuai dengan tabaqat sederhana.⁷² Peranan tarannum Jiharkah ialah; menenangkan ketegangan persembahan, melembutkan persembahan, membawa kekhusukan dan keinsafan, dapat menimbulkan kesenian fasohah al-Quran, dan dapat menimbulkan perasaan mengagumi mukjizat al-Quran mengikut pandangan pakar tarannum, Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, susunan lagu-lagu yang popular di Malaysia ialah:1. Bayyati, Soba, Hijaz, Nahwand dan Rast. 2. Bayyati, Hijaz, Nahwand, Rast dan Sikah. 3. Bayyati, Nahwand, rast, Sikah dan Jaharkah. Bagi lagu-lagu lain, hanya sebagai selingan sahaja.⁷³

Kesimpulan

Setiap satu disiplin ilmu agama mempunyai manhaj. Manhaj yang kukuh akan menjadikan satu ilmu berdiri dengan teguh. Begitu juga dengan ilmu tarannum mempunyai manhaj pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri. Manhaj tersebut menjadi asas dan dasar yang dapat menunjang ilmu tersebut melalui dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith.

Rujukan

Abdullah Zakaria Ghazali, 1996. *Pentadbiran Tentera Jepun Dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Adanan Mat Junoh et al, *Pembelajaran Informal Ke Arah Memperkasa Modal Insan: Penglibatan, Halangan dan Cabaran Di Kalangan Staf Akademik IPTA dalam Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia*. 83-112. UTM Institutional Repository eprints.utm.my/14764/ paparan pada 5 Disember 2014.

Ahmad bin Faris bin Zakaria, Abu al-Husain, 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Fikr.

Ahmad Ismail Naufal, 2007. *Manāhij al-Bahth wa al-Ta'lif Fi al-Qasas al-Qurāni*, 'Amman: Dārul al-Fadhilah.

Al-Asfahani, al-Raghib, 2009. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Qalam.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara... paparan pada 13 Julai 2014.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Khaulahazzur.blogspot.com/.../normal-0-... paparan pada 10 Julai 2014.

⁷² Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁷³ Muhammad Yusri, "Tarannum al-Quran," laman sesawang Catatan Pak Lebai, dicapai 16 November 2014, lebailiyusri.blogspot.com/2009/12/tarannum-al-quran-pada –satu-petang.

Al-Syaukani, Muhammad Bin ‘Ali Bin Muhammad, 2007. *Fath al-Qadir*. Jilid 2, Kaherah: Dar al-Hadith.

Azlansenggarang@Yahoo.com , “*Tausikh al-Quran, Lagu Baiyati*”, laman sesawang Youtube, dicapai 8 September 2014, <http://www.youtube.com/watch?v=BznycsMiv5A>.

Bill Jenkins, PhD, “*Implicit vs Explicit: Which is Better for Word Learning*”, laman sesawang *The Science of Learning*, dikemaskini 15 Mei 2012 dicapai 19 Ogos 2014, <http://www.scilearn.com/blog/implicit-vs-explicit-instruction-word-learning>

Bruce Joyce, Emily Calhoun, David Hopkins, 2009. *Models of Learning Tools For Teaching*, Berkshire: McGraw Hill.

duniapendidikan ipg.blogspot.com.my. *kONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN*, paparan pada 22 mac 2016.

Haliza Mohd Riji, Syed Tajuddin Syed Hassan, 2009. *Essential Guide To Postgraduate Study And Research*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Hajjah Rogayah binti Sulong (Qariah Antarabangsa, Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 4 September 2014.

Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2013.

Herney Aqilah, *KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN*, duniapendidikanipg.blogspot.com/2012/10 paparan pada 18 Februari 2015.

<http://ilmu.edublogs.org/2011/06/27/apakah-pengajaran-dan-pembelajaran-berkesan/comment-page-1/> paparan pada 4 April 2014. Halaman 1.

<http://www.scilearn.com/blog/implicit-vs-explicit-instruction-word-learning> paparan pada 22 Mac 2016

Ibn Kathir, Ismail bin Kathir, 1993. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jilid 2. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriah.

Ibn Manzur, 2003. *Lisan al-Arab*, Jil. Ke-4, Kaherah: Darul Hadith.

jamaljauhari.blogspot.com/2010/07/suara.html?m=1 paparan pada 14 November 2014.

Mimi, Mohaffyza binti Mohamad, Che Munira binti Che Razali, *Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia*, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 613. E-prints.uthm.edu.my(2851/1) 613-6233.pdf paparan pada 13 April 2015.

Mohd Rahim Jusoh, 2012. *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqf*, Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf.

Mohd Sabri Mohd Yunus, *Maksud Seni Tarannum*, qariqariah.blogspot.my/2008/08/maksud-seni-tarannum.html. Paparan pada 22 Mac 2016.

Muhammad al-Ghazali, 1992. *Kaifa Nata'amal Ma'a al-Quran*, Al-Mansurah: Ma'had al-'Alami li alfikr al-Islami.

Muhammad Al-Habsy, 1998. *Kaifa Taqra' al-Quran*, Syria: Darul al- 'Usama'.

Muhammad Lukman Bin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff, Mustaffa Bin Abdullah, 2012. *Pro Dan kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*, Quranica, Volume 2.

Muhammad Salih bin Zainal Abdidin, 2007. *Siraj al-Qari Pada membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, terj. Abdul Ghani Jabal al-Muraqi, Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise.

Sumbangan Dato' Hajjah Rogayah Binti Sulong dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran
Muhammad Yusri, “*Tarannum al-Quran*,” laman sesawang Catatan Pak Lebai, dicapai 16 November 2014,
lebail Yusri.blogspot.com/2009/12/tarannum-al-quran-pada-satu-petang.

Nik Jaafar bin Nik Ismail, 2012. *Buku Qawaaid al-Tarannum, Cara Berlagu*, cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir.

omartahfiz.blogspot.com/2011/06/pemantapan-tarannum-al-quran-paparan-pada-14-november-2014.

Rohi Baalbaki, Al-Mawrid, 1993. *A Modern Arabic-English Dictionary*, Cet. Ke-5, Beirut: Dar El -Ilm Lilmalayin.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor dan Zulkifli A. Manaf, 2011. “*Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa*,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Keluaran Khas (Disember).

Sharon F. Rallis, 2012. *The Research Journey, Introduction to Inquiry*, New York: The Guilford Press.

shoutunnajihin.blogspot.com paparan pada 14 November 2014.

Sidang Redaksi, 2007. *Johan Qari Dan Qariah Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM.

Sidang Redaksi, 2008. *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM.

Sidang Redaksi, 2003. *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, Kuala Lumpur: JAKIM.

Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abdul Rahman, 2006. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, jilid 1, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.